

RINGKASAN EKSEKUTIF
Perkahwinan Campur dan Pembinaan Bangsa: Satu Kajian Rintis

PENDAHULUAN

Isu perkahwinan campur bukan sahaja boleh dilihat dari sudut mikro, atau dari sudut masalah keluarga mahupun kesan terdekat yang dialami oleh pasangan atau keluarga. Ia juga boleh dilihat dari sudut yang jauh lebih makro, bagaimana ia boleh menyumbang kepada pembinaan bangsa dan hubungan kaum yang lebih baik. Negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Great Britain dan Perancis banyak sekali mengalami fenomena ini sehingga orang asal dari negara ini sudah sukar dikesan lagi. Penduduk di negara ini sebahagian besarnya adalah terhasil dari perkahwinan campur orang tua mereka dahulu. Anggota masyarakat yang bersifat caucasoid, berkulit coklat atau berupa serani, semuanya sudah menjadi American, English atau French kerana perkahwinan campur ini. Bagaimanapun kelihatan fenomena ini masih berada di tahap yang agak terhad dalam negara sedang membangun seperti negara Afrika, Negara Arab, Brunei, Filipina dan juga Malaysia.

PERSOALAN KAJIAN

- a) Kedudukan perkahwinan campur di Malaysia;
- b) Cabaran dalam perkahwinan campur dan kesan ekoran penentangan ini; dan
- c) Sumbangan perkahwinan campur dalam pembinaan bangsa.

JENIS DAN DINAMIKA PERKAHWINAN CAMPUR

Terdapat pelbagai cara juga sifat perkahwinan campur ini dibahagi-bahagikan menurut kesesuaian kajian. Salah satu yang dapat diperhatikan ialah berikut:

- a) Perkahwinan campur yang bersifat assimilasi seperti di kalangan Muslim dan non-muslim di Semenanjung; dan
- b) Perkahwinan campur bersifat non-assimilasi, di kalangan non-muslim, dan lebih banyak di Sabah-Sarawak.

METODOLOGI KAJIAN

- a) Kajian literatur;
- b) Temubual intensif di: (i) Kota Kinabalu di Sabah; (ii) Kampar dan Sitiawan di Perak; (iii) Bandar Baru Bangi di Selangor, dan (iv) Kota Baharu dan Tumpat di Kelantan;
- c) *Focus group interview* atau temu bual kumpulan sasaran di Kota Kinabalu, Sabah seramai 20 responden yang terlibat dalam perkahwinan campur, sama ada mempunyai pasangan berkahwin campur, atau merupakan anak dari kahwin campur atau mempunyai ramai anggota keluarga yang berkahwin campur. Terdapat juga beberapa orang sarjana antropologi yang mahir dalam bidang ini yang ikut serta dalam temu bual ini; dan
- d) *Focus group interview* dengan 12 orang responden etnik Cina yang beragama Islam di Kota Bharu, Kelantan di mana mereka berkongsi cerita atau pengalaman mengenai perkahwinan campur masing-masing. Kesemua mereka berkahwin dengan pasangan Melayu dan semua telah memeluk agama Islam.

DAPATAN KAJIAN

- a) Perkahwinan campur banyak berlaku dan rata-rata tidak membawa masalah;
- b) Masalah yang muncul hanya terhad kepada kes yang melibatkan pertukaran agama, dan kemudian berkait dengan isu penjagaan anak jika berlaku perpisahan;
- c) Perkahwinan campur di Sabah dan Sarawak lebih mesra dan lebih bersifat terbuka serta mengamalkan elemen budaya sepunya. Jabatan agama negeri juga tidak berkeras terhadap suami/isteri Muslim yang berkahwin dengan penganut agama lain daripada duduk serumah. Desakan supaya memeluk Islam juga tidak begitu ditekan;
- d) Perkahwinan campur yang gagal bukan kerana perbezaan kaum/agama tetapi dari masalah pasangan itu sendiri. Selain itu, stigma dan stereotaip negatif masyarakat seperti sindiran/bahan jenaka dan kelemahan autoriti turut menyumbang kepada kegagalan;
- e) Penyimpanan rekod dan data bagi pasangan yang berpisah di Majlis Agama Islam dan Jabatan Pendaftaran Negara tidak tersusun dan perlu dicari secara manual. Dicadangkan satu kategori khas diwujudkan bagi perkahwinan campur untuk semakan semula;
- f) Isu pendaftaran etnik bagi anak pasangan perkahwinan campur. Tiada kategori etnik khas yang diiktiraf oleh autoriti;
- g) Isu identifikasi kaum dan agama turut timbul dalam urusan dengan pihak kerajaan atau swasta. Dalam kebanyakan borang rasmi yang disediakan, setiap individu dimestikan

- mengisyiharkan identiti etnik mereka. Individu perlu memilih untuk menandakan satu daripada empat pilihan iaitu Melayu, Cina, India atau lain-lain etnik minoriti;
- h) Wujudnya lompang-lompang dalam sistem dan perlaksanaan perundangan negara melalui tindakan *Little Napoleon* di mana pegawai menggunakan bahagi bicara menguruskan perkahwinan campur; dan
 - i) Sejauh mana toleransi kaum dan agama dapat diperluaskan dalam konteks autoriti seperti JAKIM, Majlis Agama, Jabatan Pendaftaran Negara, Imigresen dan lain-lain. Tiada satu autoriti khusus yang menyediakan sistem sokongan kepada keluarga yang berkahwin campur

SARANAN/CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

- a) Kajian khusus perkahwinan campur di Sabah & Sarawak, kerana dapatan kajian sekarang mendapati fenomena di sini lebih positif dan menjadi amalan yang lumrah dalam masyarakat. Menapa mereka lebih mudah menyerap cabaran berbanding dengan pasangan di Semenanjung?
- b) Kajian dari aspek perundangan iaitu isu perceraian, pertukaran agama, tuntutan pemeliharaan anak dan pusaka.
- c) Cabaran atau krisis identiti bagi generasi berkuturunan dari perkahwinan campur. Masalah yang mereka hadapi serta kesan positif dari sudut pembinaan bangsa.
- d) Semangat kekitaan atau *esprit de corp* kumpulan minoriti perkahwinan campur seperti Chindian, Sino-Kadazan dan lain-lain. Apakah wujud semangat kekitaan di kalangan kumpulan yang berkahwin campur ini. Contohnya Chindian?
- e) Satu badan autoriti khusus perlu diwujudkan untuk menguruskan pasangan ini jika menghadapi masalah berkait dengan isu perkahwinan campur.

KESIMPULAN

Fenomena perkahwinan campur adalah suatu yang positif, patut digalakkan dan baik untuk pembinaan bangsa. Perkahwinan campur tidak menjadi isu kepada hubungan suami isteri dan keluarga. Ia sebaliknya menjadi penyumbang penting kepada pembinaan bangsa yang lebih segera dan bersifat progresif.

Bangsa yang maju dan bersepada lazimnya banyak mengamalkan perkahwinan campur seperti di UK, US, German, Perancis, Australia dan Kanada. Unsur amalgamasi/*melting pot*, asimilasi, akulturasi berkembang pesat dalam keluarga perkahwinan campur, sekali gus menolak sifat pemisahan atau keterasingan.

Kelahiran konsep dan kumpulan *Peranakan* menjadikan perkahwinan campur tersulam erat dalam masyarakat. Imej ini kelihatan lebih *honorable* berbanding dgn *mixed* atau kacukan, dan lebih mudah diterima masyarakat. Dengan andaian fenomena ini berkembang, pembinaan bangsa dan hala tuju 1 Malaysia akan mnjadi lebih realistik serta sifat etnik menjadi lebih cair.

SENARAI NAMA PENYELIDIK

Dr. Nidzam Sulaiman

Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid

Ms Phoon Li Juan @ Roovasini

Dr. Pue Giok Hun

Dr. Azmi Aziz